

T. Iangan

# Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

## Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2002 Peringkat Wilayah Persekutuan - Kempen Kembiri

Sempena Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2002, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan swasta telah mengadakan Kempen Kembiri pada 11 Mei 2002 bertempat di Stadium Titiwangsa. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Kempen Kembiri adalah satu kempen berkos rendah dimulakan oleh agensi kerajaan dan organisasi kebajikan haiwan di Malaysia bagi mengurangkan pembiakan dan populasi haiwan peliharaan yang berlebihan.

Sebanyak 100 ekor anjing akan dikembirikan setiap Ahad di klinik yang ditetapkan dengan harga RM 35 seekor (jantan/betina). Dalam tempoh enam bulan, 2 000 ekor anjing akan dikembirikan. Keutamaan akan diberikan kepada pemilik anjing yang berpendapatan rendah.

Kempen Kembiri wujud hasil daripada perancangan di antara wakil-wakil dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Persatuan Veterinar Malaysia, Persatuan Doktor Veterinar

Haiwan Kecil Malaysia, Persatuan Menolong Haiwan, Persatuan Kenel Anjing Malaysia dan Yayasan Kebajikan Haiwan Kebangsaan Malaysia dengan merujuk kepada Undang-Undang Kecil Baru Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2001. Kempen ini berperanan penting mengurangkan pembiakan haiwan peliharaan yang berlebihan di Kuala Lumpur.

Kempen ini telah dikenalpasti sebagai cara penyelesaian jangka panjang yang paling efektif, berperikemanusiaan untuk mengurangkan bilangan haiwan yang tidak dikehendaki. Ia juga merupakan asas kepada projek perlindungan haiwan yang dijalankan di seluruh dunia. Penangkapan dan pembinasan anjing dan kucing yang tidak bertuan adalah penyelesaian yang tidak efektif untuk mengurangkan populasi haiwan malah menyiksa binatang-binatang.

Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan penyertaan daripada pihak-pihak swasta dan penganjur menyokong dan

memberi subsidi kepada kempen ini. Pembedahan dan pelalian akan dibuat oleh veterinar yang berpengalaman dan kebajikan haiwan akan diberi keutamaan. Pemilik anjing akan diajar cara untuk merawat anjing selepas pembedahan dan menghubungi veterinar secepat mungkin jika sebarang masalah berlaku kepada anjing.



Datuk Bandar Kuala Lumpur  
merasmikan Kempen Kembiri

**Keterangan lanjut :**  
**03-4253 5179/4252 8382**

## Rencana Pengarang

Pembangunan taman-taman awam dan pusat-pusat rekreasi sangat penting dalam usaha memberi peluang kepada orang ramai untuk berehat dan beriadah dalam persekitaran yang nyaman, selesa dan selamat.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil pendirian bahawa pembangunan tidak hanya ditumpukan kepada sesuatu sektor alam memenuhi kepentingan sesuatu golongan sahaja. Namun apa yang diketahui umum, terdapat aspek pembangunan yang diperlukan oleh semua pihak seperti persekitaran alam yang bersih dan hijau, keindahan landskap yang menarik dan kawasan taman awam yang menyediakan berbagai-bagai kemudahan awam.

Dari tahun ke setahun, DBKL akan mengenalpasti beberapa kawasan yang sesuai untuk dijadikan taman-taman awam serta pusat rekreasi.

Kawasan -kawasan tersebut akan dipindahkan dengan penanaman rumput, pokok-pokok rendang/bunga/renek serta disediakan kemudahan lain seperti taman permainan kanak-kanak, kawasan perkelahan, wakaf, tandas dan lain-lain. Selari dengan keperluan semasa, DBKL juga telah membina kawasan untuk sukan lasak (*extreme games*), sukan basikal dan menyediakan empat *amphitheatre* untuk orang ramai menyaksikan persembahan.

DBKL berharap orang ramai dapat memberi kerjasama untuk menjaga segala peralatan dan kemudahan yang disediakan.

Jabatan Kerja Awam  
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut  
**03-2699 3597**

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar  
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC  
**03-4045 3320**

Direktorat Penguatkuasaan  
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A,  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  
**03 - 4023 1133**

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan  
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
**03-2691 6011 samb. 3806/3868**

Jabatan Pengangkutan Bandar  
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.  
**03 - 2691 0555**

Jabatan Kesihatan  
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,  
Km.4, Jalan Cheras.  
**03 - 9284 5166**

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil  
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.  
**03 - 2698 6989**

Jabatan Pelesenan  
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama  
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
**03 - 2698 6177 samb. 100**

Jabatan Pengurusan Perumahan  
Tingkat Bawah,  
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
**03 - 2691 2112**

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai  
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
**03 - 2691 6011**

Hotline DBKL  
**03-4022 0033**  
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)  
**03-9284 3636/9284 3434**  
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam  
Bhg. Hal Ehwal Awam  
**03-2699 3852**

**Hari Mesra Pelanggan**  
**(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)**  
**9.00 pagi - 12 tengahari**

Pegawai Bertugas  
Muhamad Bin Wahab Tel : 03-2697 7097

### Penasihat

M. Halijah Binti Osman

### Ketua Editor

Zemal Abdin Bin Hj. Mohd Zain

### Editor

Sarudin Bin Ibrahim

### Sub Editor

Hanim Binti Hj. Hashim

Suriyana Binti Ismail

### Jurufoto

Mubarak Bin Mohd. Atan

Abd. Khani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

### Cetakan

Unit Repografi

Jabatan Pengurusan Organisasi  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

### Alamat Editor

Berita Bandaraya

Bahagian Hal Ehwal Awam  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Tingkat 5, Bangunan DBKL

Atau berhubung dengan  
**Suriyana Binti Ismail**

Tel: 03-2691 6011 samb. 3851

Faks : 03-2694 1373

E-mel : akhbar@dbkl.gov.my

# Taman Metropolitan Batu

## - Kawasan Sukan X'treme

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membangunkan sebuah taman awam khusus untuk beriadah dan berekreasi bagi orang ramai serta mewujudkan satu suasana taman dengan berkonsepkan persekitaran yang bersih dan harmoni. Tapak cadangan projek ini adalah tapak di kawasan Kg. Batu Muda Tambahan. Laluan terdekat adalah Lebuhraya Kuala Lumpur ke Ipoh.

Pembangunan Taman Metropolitan Batu akan mendatangkan faedah dan kebaikan kepada rakyat pada keseluruhannya dan komuniti di sekitar khususnya apabila siap sepenuhnya tidak lama lagi.

Antara ciri istimewa taman ini ialah terdapatnya kawasan sukan lasak (*x'treme sports*). Kawasan sukan lasak ini telah direkabentuk mengikut standard antarabangsa. Penyediaan kawasan sukan lasak sebagai sebahagian Taman Metropolitan Batu adalah untuk kemudahan rekreasi dan juga pertandingan samada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa seperti '*3rd Asian X'treme Games Qualifier*'.

Kemudahan kawasan sukan lasak di taman ini



Datuk Bandar Kuala Lumpur melawat 'sport climbing course' di Taman Metropolitan Batu

mencukupi untuk mengendalikan pertandingan semua sukan *x'treme* yang sering dipertandingkan di peringkat antarabangsa.

Kawasan sukan lasak di taman ini meliputi kawasan seluas 48,562 m<sup>2</sup> (12 ekar). Kemudahan sukan lasak yang disediakan di taman ini adalah '*skate park course*' (*permanent*), '*skate park course*' (*makeshift*), '*sport climbing course*' dan '*mountain biking course*'

Di taman ini juga disediakan sebuah laman - *amphitheater* iaitu ruang untuk diadakan pertunjukan atau persembahan terbuka. Wakaf-wakaf juga disediakan untuk pengunjung-pengunjung berehat atau bersantai bersama keluarga di samping kemudahan tandas yang terkini.

## Bukit Gasing Dikekalkan Sebagai Kawasan Hijau

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersetuju mengekalkan kawasan hutan Bukit Gasing sebagai kawasan hijau, memandangkan keperluan kawasan seumpama ini adalah penting untuk orang ramai beriadah dan berekreasi.

DBKL sentiasa akan keperluan hutan hijau yang segar dan pepohon yang merimbun dengan urogas dan serangga dalam persekitaran sekitarnya. Ia dapat mengimbangi pembangunan fizikal yang begitu pesat di Kuala Lumpur. DBKL sentiasa memandang serius dan meningkatkan kualiti kemudahan riadah di kawasan-kawasan yang bersesuaian.

Isu yang timbul baru-baru ini adalah disebabkan anggapan orang ramai berkenaan kawasan Bukit Gasing ini akan dibangun semula. Kemungkinan kehadiran pihak juru ukur swasta yang membuat kajian ke atas kawasan hutan ini menyebabkan timbulnya kegelisahan kepada segelintir penduduk kawasan tersebut.

DBKL telah memaklumkan bahawa pihak juru ukur swasta tersebut sedang membuat kajian tertentu. Walau bagaimanapun, DBKL juga akan membuat kajian terutama berkaitan dengan kecuraman dan keadaan kawasan hutan ini, samada sesuai dibangun semula sebagai kawasan rekreasi kepada orang ramai seperti menyediakan lorong pejalan kaki, menanam pokok-pokok yang lebih sesuai dan menyediakan kemudahan lain.

Sesuatu kawasan hanya boleh diwartakan selepas kajian dibuat satu hingga satu setengah tahun.